

Media item

Full Text

KKM tingkatkan pengawasan genomik

Sinar Harian, Malaysia by No author available

30 Nov 2021

Nasional - Page 0 - 293 words - ID my0046189472 - Photo: No - Type: -

Size: 597.00cm²

KKM tingkatkan pengawasan genomik LANGKAH Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan meningkatkan pengawasan genomik di pintu-pintu masuk antarabangsa untuk memastikan kewujudan varian baharu Omicron dapat dikesan dengan cepat. HINDAR OMICRON Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, setakat ini kerajaan telah berjaya meningkatkan kapasiti analisis jujukan genom penuh kepada 1,500 sampel sebulan. Pakar kesihatan menyokong beberapa langkah yang telah diambil kerajaan dalam menyekat varian Omicron daripada memasuki Malaysia. Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) memaklumkan ujian pengesanan Covid-19 menggunakan RTKAntigen dan RT-PCR boleh mengesan varian Omicron. MUKA 2 & 3 KKM juga turut mengingatkan orang ramai supaya sentiasa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) termasuk mengambil dos penggalak Covid-19. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan meningkatkan pengawasan genomik di pintu-pintu masuk antarabangsa untuk memastikan kewujudan varian baharu Omicron dapat dikesan dengan cepat. Menteri, Khairy Jamaluddin Ia bagi memastikan kewujudan varian Omicron dapat dikesan dengan cepat. SHAH ALAM Abu Bakar berkata, setakat ini kerajaan telah berjaya meningkatkan kapasiti analisis jujukan genom penuh kepada 1,500 sampel sebulan. "Dengan adanya varian membimbangkan (VOC) ini saya akan memohon kepada Kementerian Kewangan untuk tambah lagi peruntukan agar kita dapat tingkatkan lagi kapasitinya bagi melaksanakan pengawasan genomik," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Apresiasi Petugas Covid-19 Institut Kesihatan Negara, di sini pada Isnin. Beliau berkata, jujukan genom penuh itu penting kerana melalui cara LAPORAN M DEPAN tersebut pihaknya akan dapat mengesan jenis varian yang telah berada di Malaysia. "Melalui jujukan genom penuh, kita mengesan varian Delta telah ada di Malaysia dan analisis itu juga penting sekiranya varian baharu, Omicron juga wujud di Malaysia." Setakat hari ini melalui KKM, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi serta Kementerian Pengajian Tinggi yang membentuk konsortium bagi meningkatkan kapasiti penjujukan genom Covid-19, belum lagi menerima laporan mengenai varian Omicron di Malaysia," katanya. - Bernama. UKA Survelan genomik di pintu masuk antarabangsa untuk memastikan kewujudan varian baharu Omicron dapat dikesan dengan cepat.

Licensed by Copyright Agency. You may only copy or communicate this work with a licence.



Media Alerts may be subject to error or omission. Media Alerts are for the use of Isentia clients only and may not be provided to any third party for any purpose whatsoever. Isentia operates across the Asia Pacific region and uses multiple sources to gather audience data for internet, press, radio and television media entities. These audience data providers include AGB Nielsen Media Research, Audit Bureau of Circulations, comScore, CSM Media Research, GfK Radio Ratings, OzTAM, Nielsen, Research International and TNS.